

ورتا فنرشن

Warta Penerangan



JUN - JULAI 2020



مقرنکلنکن اقليکاسي موده اليه جابتن ڨرعن



InfoDeptBN



Dapatkan aplikasi dan muat turun di


Available on the
App Store

Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
 - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
 - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



**DI MANAKAH
AWDA BOLEH
MENDAPATKAN
NASKHAH
PELITA BRUNEI ?**

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Rimba Point, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Posakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Mengalit
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsa
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kliaan
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAJ Jln Kebangsaaan
24. Stesen Minyak KOPERASI PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Kompleks Utama Bumiputra
3. Hospital PIHM
4. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun InfoDeptBN.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

- Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.
- Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.
- Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.*

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan

| Isi Kandungan | Muka |
|--|---------|
| Poster Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-74 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia | 5 |
| Hadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCA Ke-21 | 6 - 7 |
| Pemantauan Bendera Negara Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia | 7 - 8 |
| Pastikan warga Jabatan Penerangan sentiasa sihat | 9 - 10 |
| Muat turun Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBN | 10 - 11 |
| Sebarkan maklumat ASEAN | 12 - 13 |
| Pantau kawasan terjejas banjir | 14 - 15 |
| Penjaga malam | 15 - 16 |
| Sudut mini pameran | 16 - 17 |
| Kaji selidik InfoDeptBN | 18 |
| Selera Kampung | 19 |
| Poster Upacara Menaikan Bendera Besar Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-74 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia | 20 |
| Poster Kementerian Kesihatan Penggunaan Penutup Mulut dan Hidung | 21 |
| Doa Qunut Nazilah | 22 |



دولت کباوه دولی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Sempena Sambutan
Ulang Tahun

Ke-
44

Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Hadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COICI Ke-21

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



MESYUARAT Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COICI) yang diadakan secara virtual turut dihadiri oleh wakil dari Sekretariat ASEAN.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Julai. - Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COICI) telah mengadakan mesyuarat ke-21 secara *virtual*.

Mesyuarat telah dihoskan dan dipengerusikan oleh perwakilan dari Republik Singapura manakala Timbalan Pengerusinya dari Thailand.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COICI Negara Brunei Darussalam.

Menyertai mesyuarat tersebut ialah Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Setiausaha SCI ASEAN-COICI Negara Brunei Darussalam, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COICI semasa mesyuarat tersebut berbincang mengenai beberapa cadangan projek bagi tahun 2021 di bawah ASEAN Cultural Fund.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika menghadiri Mesyuarat SCI ASEAN-COICI yang diadakan secara virtual. Turut menyertai mesyuarat tersebut ialah Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Setiausaha Jawatankuasa SCI ASEAN-COICI Negara Brunei Darussalam, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Semasa mesyuarat tersebut Negara Brunei Darussalam mencadangkan satu projek iaitu "Capacity Building for ASEAN Journalists in Effective News Writing" di mana cadangan berkenaan telah menerima sokongan dan akan dibawa ke dalam Mesyuarat ASEAN-COICI Ke-55.

Turut dicadangkan ialah beberapa projek dari

negara-negara ahli seperti “ASEAN Workshop on Sharing Best Practices on the Use of Social Media Towards a Safe, Secure and Reliable Internet” yang dicadangkan oleh Republik Sosialis Viet Nam, “3D Multiuser Virtual Learning Environment for Children Online Protection Awareness Raising” oleh

Republik Indonesia.

Manakala Thailand pula mencadangkan “ASEAN Young Cyber Influencer” dan “Short Promo Video on ASEAN National Attractions” dicadangkan oleh Republik Demokratik Rakyat Lao.



MESYUARAT Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI) yang diadakan secara virtual.

Pemantauan Bendera Negara Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BAGI meningkatkan semangat patriotisme orang ramai terutama dalam kalangan peniaga mengenai pemasangan bendera negara dan kain rentang sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Penerangan telah mengadakan aktiviti pemantauan menaik-kibar bendera dan pemasangan kain rentang di premis-premis perniagaan di keempat-empat daerah.

Aktiviti pemantauan dilaksanakan oleh Unit Kenegaraan bagi Daerah Brunei Muara, dan Cawangan-cawangan Penerangan Daerah Belait, Tutong dan Temburong mulai 13 hingga 20 Julai.

Sepanjang aktiviti ini diadakan, pihak jabatan mendapati masih terdapat premis-premis perniagaan yang tidak menaik-kibar bendera negara kerana tidak mengetahui ia perlu dipasang dan menyangka adalah memadai dengan hanya memasang kain rentang sahaja. Selain itu terdapat juga premis perniagaan



PEGAWAI dan kakitangan dari Jabatan Penerangan semasa melakukan pemeriksaan ke salah sebuah premis perniagaan di Bandar Seri Begawan.

yang menaik-kibar bendera dalam keadaan rosak, pudar atau kotor dengan cara pemasangan yang tidak betul dan juga didapati ada yang memasang kain rentang secara terbalik.

Oleh yang demikian, para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah pun memberi teguran dan

tunjuk ajar cara menaik-kibar bendera yang betul kepada premis-premis berkenaan.

Selain meningkatkan semangat patriotisme kepada Raja dan negara, aktiviti seumpama ini juga dihasratkan sebagai menzahirkan rasa taat setia dan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam walaupun sambutan perayaan pada tahun ini diadakan dalam norma baharu.



PEMASANGAN bendera di premis-premis perniagaan di Pekan Bangar.



PEMERIKSAAN turut dilakukan ke atas beberapa buah premis di Daerah Tutong.

Seperti dimaklumi, sejak tahun 2018, jabatan memperkenalkan satu program yang dikenali sebagai ‘Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera Negara dan Bahan-bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional’ yang bertujuan untuk membarigakan serta meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan

kesedaran awam mengenai penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara.

Program tersebut turut disertai oleh agensi-agensi kerajaan

yang berkepentingan antaranya Jabatan Adat Istiadat Negara, Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Bandaran.

Setakat ini, ia telah pun dilaksanakan bagi beberapa zon perniagaan di Daerah Brunei Muara antaranya Kiulap, Serusop, Kiarong, Batu Satu, Muara, Manggis, Sungai Tilong dan sebahagian kawasan Gadong. Program berkenaan juga pernah diadakan bagi syarikat-syarikat percetakan dan pembinaan serta pemandu pelancong di negara ini.



PEMERIKSAAN juga turut dilakukan oleh pegawai dan kakitangan Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Pastikan warga Jabatan Penerangan sentiasa sihat

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

USAHA-USAHA bagi membendung jangkitan wabak COVID-19 terus diberikan perhatian dan ini tidak terkecuali bagi warga perkhidmatan kerajaan.

Di Jabatan Penerangan langkah-langkah waspada sentiasa dititikberatkan dalam sama-sama melaksanakan tanggungjawab sosial menyahut saranan Kementerian Kesihatan dengan menjaga kesihatan, kebersihan, menggunakan *hand sanitizer* serta penjarakan fizikal dan sentiasa memantau tahap kesihatan masing-masing.

Jika mengalami simptom-simptom demam panas atau tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk, selesema dan susah bernafas, para pegawai dan kakitangan berkenaan dikehendaki untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segera di pusat-pusat kesihatan.

Ke arah itu dalam memastikan para pegawai dan kakitangan jabatan ini terus dalam keadaan sihat, Jabatan Penerangan tidak ketinggalan untuk sama-sama mengambil inisiatif bagi memastikan warga jabatan ini sentiasa dalam keadaan sihat.

Di ibu pejabat jabatan ini, pemantauan kesihatan setiap warga jabatan dilakukan di pintu utama dan pintu belakang bangunan asal jabatan dan pintu utama bangunan baharu dengan menggunakan peralatan pemeriksaan suhu badan dan *hand sanitizer* serta pengimbasan Kod QR BruHealth. Sementara pegawai dan kakitangan yang belum memuat turun Kod QR BruHealth dimestikan untuk mendaftar atau mencatat nama masing-masing ke dalam borang



PEMERIKSAAN suhu badan di pintu utama Ibu Pejabat Jabatan Penerangan bagi memantau kesihatan warga Jabatan Penerangan.

yang disediakan.

Hanya pegawai dan kakitangan serta pengunjung yang mempunyai kod hijau atau kuning dibenarkan memasuki premis-premis jabatan.

Bagi melaksanakan langkah-langkah pemantauan kesihatan tersebut, Jabatan Penerangan melalui Mesyuarat Pelan De-escalation pada 4 Jun 2020 bersetuju agar waktu

bertugas secara bergilir yang dilaksanakan sejak bulan Mac di bawah Business Continuity Plan (BCP) dibatalkan mulai Ahad, 7 Jun 2020.

Mesyuarat tersebut juga memutuskan agar semua pegawai dan kakitangan jabatan dikehendaki untuk bertugas semula mengikut waktu bekerja masing-masing mulai Isnin, 8 Jun 2020 dan sekali gus menggunakan pakai




BAGI pegawai dan kakitangan jabatan yang belum memuat turun aplikasi Kod QR BruHealth dikehendaki untuk mencatat nama masing-masing dalam borang yang disediakan.

catatan kehadiran dengan menggunakan GEMS.

Dalam usaha untuk memastikan warga jabatan ini sentiasa dalam keadaan yang sihat, kakitangan jabatan ditugaskan secara bergilir untuk melaksanakan pemeriksaan suhu badan, mengimbas Kod QR BruHealth dan memastikan mereka yang belum memuat turun BruHealth supaya membuat catatan setelah melakukan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke dalam borang yang disediakan.

Para pegawai dan kakitangan yang terlibat melakukan pemeriksaan kesihatan dibahagikan kepada tiga *shift* atau jadual bertugas yang ditetapkan iaitu bermula jam 7.30 hingga 10.30 pagi, 10.30 pagi hingga 1.30 tengah hari dan 1.30 tengah hari hingga 4.30 petang.

Inisiatif pemeriksaan kesihatan seumpamanya adalah semata-mata untuk memastikan penularan wabak COVID-19 dapat terus dikawal.



SETIAP pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dikehendaki mengimbas Kod QR BruHealth bagi memastikan mereka dalam keadaan sihat.

Muat turun Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBN

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

APLIKASI Mudah Alih InfoDeptBN dilancarkan pada 9 Mei 2017 bagi memudahkan orang ramai menerima maklumat di hujung jari secara mudah, cepat dan tepat.

Ia direka untuk membawa imej jabatan yang lebih cekap dan meningkatkan prestasi dengan lebih cemerlang.

Sehubungan itu, bagi memastikan para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan turut sama menggunakan pakai aplikasi ini sepenuhnya, seramai 26 pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang mempunyai masalah dalam memuat turun aplikasi dan tidak dapat menerima notifikasi waktu solat serta perkara berkaitan dengannya telah menghadiri sesi troubleshooting aplikasi berkenaan pada pagi Rabu, 17 Jun 2020 di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang menghadiri sesi troubleshooting di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

jabatan ini.

Troubleshooting ini diadakan hasil dari kaji selidik yang telah dijalankan baru-baru ini oleh Unit IT dan Media Baharu mengenai penggunaan aplikasi tersebut ke atas para pegawai dan kakitangan jabatan ini dan mendapati sebahagian daripada mereka yang menggunakan aplikasi tersebut tidak dapat menerima notifikasi

waktu solat dan permasalahan yang berkaitan.

Sesi seumpama ini merupakan sebahagian daripada usaha jabatan dalam memastikan aplikasi berkenaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya seperti mana yang dihasratkan.

Aplikasi ini menyediakan pelbagai ruang/icon yang



KETUA Unit IT dan Media Baharu, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya bersama para perwakilan dari Syarikat DotRoot Technologies semasa mengendalikan sesi troubleshooting tersebut.

memuatkan berita-berita utama dan terkini, info Jabatan Penerangan, waktu solat, forum, mengenai Negara Brunei Darussalam, Raja, galeri media, Brunei Diary, sosial media dan peluang-peluang pekerjaan.

Sesi troubleshooting dikendalikan oleh Syarikat DotRoot Technologies yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif syarikat berkenaan, Haji Saufi bin Haji Jamahat.

Aplikasi berkenaan dilancarkan pada 9 Mei 2017 sempena memperingati penubuhan Jabatan



PARA pegawai daripada Syarikat DotRoot Technologies menerangkan lebih lanjut mengenai penggunaan Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBN.



Penerangan Ke-65 oleh Mantan Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media), di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

SESI troubleshooting diharap dapat diguna pakai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh warga Jabatan Penerangan.

Sebarkan maklumat ASEAN

Teks: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Jabatan Penerangan



JERAYAWARA Kenali ASEAN yang pernah dikendalikan di Sekolah Menengah Menglait, Gadong pada 1 Februari 2020.

ASSOCIATION of Southeast Asian Nations (ASEAN) atau Pertubuhan Negara Asia Tenggara ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dan bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama padu di antara negara anggota di arena serantau dan antarabangsa. ASEAN ditubuhkan oleh lima negara pengasas iaitu Malaysia, Republik Indonesia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand di Bangkok semasa proses menandatangani satu perjanjian yang dikenali sebagai ‘Deklarasi Bangkok’.

Dalam konteks penyebaran maklumat, walaupun medium komunikasi dan teknologi berkembang luas mengikut peredaran zaman, tetapi penyebaran maklumat melalui medium komunikasi *unilateral* sebagai contoh penyebaran maklumat melalui penyampaian taklimat tidak dinafikan masih sangat berkesan dalam banyak keadaan. Dengan demikian, penyebaran maklumat melalui taklimat adalah langkah signifikan yang wajar diberi perhatian.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa (HEA) selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (Sub-Committee on Information - SCI) Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCA), melaksanakan program Jerayawara Kenali ASEAN yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan



BAGI memantapkan kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan, sebanyak sepuluh soalan objektif mengenai ASEAN diajukan kepada sepuluh penuntut di setiap sekolah.

lebih meluas mengenai peranan dan fungsi ASEAN yang merangkumi pelbagai aspek mengenai ASEAN termasuk latar belakang, visi, misi serta anggota-anggota negaranya.

Program ini khusus menyasarkan penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyebarluaskan maklumat dan meningkatkan kesedaran orang ramai, terutama sekali belia-belia di negara ini mengenai ASEAN.

Di samping itu taklimat juga akan mengetengahkan mengenai Wawasan 2035 selaras dengan statistik

perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.

Melalui taklimat ASEAN ini, penuntut-penuntut berpeluang untuk mengetahui lebih lanjut maklumat asas dan kepelbagaiannya sosioekonomi dan kebudayaan bagi negara-negara anggota ASEAN.

Dengan adanya jerayawara ini juga memperlihatkan peranan ASEAN dalam usahanya merealisasikan moto ASEAN iaitu “One Vision, One Identity, One Community”, menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.



PARA pelajar Sekolah Menengah Menglait ketika menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN.



PELAJAR-PELAJAR Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan semasa menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN pada 29 Februari 2020 (atas dan bawah).

Jerayawara ini merupakan usaha sama di antara Jabatan Penerangan dengan Kementerian Pendidikan diadakan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara bermula di Daerah Brunei Muara dan berakhir dengan sekolah menengah di Daerah Temburong iaitu 15 buah sekolah setiap tahun.

Sesi Kuiz ASEAN juga diadakan selepas sesi taklimat yang mana antara lain bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan. Sebanyak 10 soalan objektif mengenai ASEAN untuk sepuluh orang penuntut di setiap sekolah.

Adalah menjadi harapan dengan program Jerayawara ASEAN ini dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di negara ini.



Penglibatan para penuntut dalam program ini adalah wajar kerana mereka merupakan pemangkin masa depan negara yang bakal mewarnai corak peradaban bangsa sebagai generasi pelapis.

Pantau Kawasan Terjejas Banjir

Teks: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

TURUNAN hujan lebat yang berlaku beberapa hari pada bulan Jun dan Julai telah menyebabkan kejadian banjir di beberapa kawasan pedalaman Daerah Tutong dan Daerah Belait yang mengakibatkan beberapa buah rumah dan jalan raya di kawasan rendah ditenggelami air yang sekali gus memutuskan sistem perhubungan.

Antara kawasan-kawasan rendah yang terlibat dalam kejadian banjir di Daerah Tutong ialah seperti di persekitaran Kampung Rambai, Kampung Benutan, Kampung Kuala Ungar dan Kampung Panchong.

Manakala di Daerah Belait iaitu di Kampung Sungai Mau, Jalan Laid Lakang, Jalan Kandul, Kampung

Merangking Hilir, dan Kampung Sukang yang melibatkan beberapa buah rumah dan jalan.

Sejak menerima laporan banjir berkenaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) menerusi Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) Belait dan Tutong terus melakukan beberapa tindakan menghadapi banjir dengan memantau paras air setiap hari selain memberikan bantuan makanan dan logistik kepada mangsa banjir bersama agensi-agensi yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Penerangan menerusi cawangan di daerah-daerah selaku Ahli Jawatankuasa DDMC tidak terkecuali untuk turun padang bagi sama-sama memantau keadaan tersebut khususnya dalam melaksanakan peranannya dalam memberikan bantuan terutama dalam menyelenggara dan menyampaikan maklumat kepada



SALAH seorang wartawan Pelita Brunei semasa membuat liputan mengenai kejadian banjir di Daerah Tutong.

JAWATANKUASA Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) bersama pihak media semasa membuat pemantauan di tempat-tempat yang terkena banjir di Daerah Belait.





KEADAAN banjir di salah sebuah kampung yang memutuskan perhubungan jalan raya apabila digenangi air.

media khususnya orang ramai.

Para mangsa banjir dinasihatkan agar sama-sama menjaga kesejahteraan ahli keluarga masing-masing

dan mengelakkan daripada melakukan aktiviti-aktiviti seperti berenang atau bermandi-manda di kawasan banjir demi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Penjaga Malam

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

JABATAN Penerangan merupakan salah sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan mempunyai dua bangunan yang berasingan iaitu Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (lama) dan yang satunya bangunan tambahan (baharu).

Letaknya di kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas bersebelahan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Biro Mencegah Rasuah. Moto jabatan, Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

Dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan bangunan sentiasa dalam keadaan yang selamat bukan saja waktu bertugas pada siang hari, tetapi juga pada masa-masa kelepasan awam dan



Penjaga malam menjalankan tugas semasa waktu malam bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan bangunan Jabatan Penerangan.

selepas waktu bertugas (malam), jabatan ini akan dijaga oleh beberapa orang penjaga yang diamanahkan atau lebih dikenali sebagai Penjaga Malam.

Tugas dan tanggungjawab dilaksanakan termasuklah menjaga keselamatan harta benda kerajaan, keseluruhan bangunan pejabat semasa waktu bertugas siang atau malam.

Semasa melaksanakan tugas mereka bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Ketua Pejabat dan menghubungi segera pihak berwajib (polis dan bomba) bila berlaku kecurian dan kebakaran.

Dalam menjaga keselamatan bangunan mereka juga menyalakan dan memadamkan lampu-lampu pejabat pada masa-masa yang ditetapkan jika tidak digunakan

lagi selain memastikan semua pintu-pintu bilik pejabat dikunci.

Selain itu mereka juga sentiasa membuat pemantauan dan meronda sekeliling kawasan bangunan pejabat sepanjang masa bertugas selain membantu mewujudkan kerjasama yang rapat dengan pihak polis, bomba dan agensi perkhidmatan kecemasan yang lain.

Mengingatkan dan menegur mana-mana pegawai, kakitangan dan pelawat supaya tidak merokok di dalam atau di luar bangunan dengan merujuk kepada Perintah Tembakau 2005 dan Surat Keliling JPM bilangan 9/1994 dan 7/2004 mengenai pengisytiharan semua bangunan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sebagai tempat ditegah merokok.

Sudut mini pameran

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



KAMERA dan perakam suara model lama yang pernah digunakan oleh jurugambar dan pemberita Jabatan Penerangan semasa melaksanakan tugas suatu masa dahulu.

TAHUKAH awda bangunan tambahan Jabatan Penerangan mula digunakan pada tahun 2014 atau lebih tepat majlis penyerahan bangunan tersebut pada 15 April 2014.

Bangunan tambahan tersebut dibina dengan mengambil masa hampir dua tahun sejak Jabatan Penerangan menerima tapak bagi kompleks berkenaan pada 21 Mac 2012.

Dengan terbinanya bangunan tambahan ini secara langsung memberi kesesuaian kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab selain memenuhi keperluan-keperluan yang lain bagi jabatan.

Bangunan tambahan berlantai lima tersebut dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan seperti ruang pejabat bagi Pengarah, Timbalan Pengarah

ANTARA barang pameran iaitu perkakas-perkakas lama yang pernah digunakan oleh Jabatan Penerangan suatu masa dulu.



selain pegawai dan kakitangan dari bahagian-bahagian di bawah Jabatan Penerangan.

Selain itu, ia juga turut dilengkapi dengan bilik mesyuarat, dewan teater, lif, bilik kebal dan ruang menunggu yang luas (*lobby*).

Di ruang menunggu yang terletak di aras bawah, terdapat satu sudut yang menempatkan mini pameran perkakas serta peralatan lama yang

pernah digunakan suatu masa dahulu dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab di Jabatan Penerangan.

Antara peralatan dan perkakas tersebut ialah kamera, perakam suara, radio, mesin taip dan mesin untuk memainkan wayang.

Benda-benda seperti ini patut dijaga dan dipelihara dengan baik sebagai khazanah jabatan kerana



TURUT dipamerkan ialah mesin taip yang merupakan perkakas utama dalam sesbuah jabatan terutama di Bahagian Pentadbiran.

dengan benda-benda seumpama inilah Jabatan Penerangan turut dikenali.

Manakala pada sudut yang lain turut dipamerkan beberapa jenis *banner* yang pernah dipamerkan oleh Jabatan Penerangan sama ada di dalam atau luar jabatan.

JUGA dipamerkan ialah mesin perakam suara yang pernah digunakan oleh pemberita terutama di Bahagian Pelita Brunei.



Kaji selidik InfoDeptBN

Teks: Unit Penerbitan Melayu

PENGGUNAAN Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBN diharap dapat memenuhi hasrat Jabatan Penerangan ke arah merealisasikan usaha dan misi Jabatan Penerangan bagi Membudayakan Masyarakat Bermaklumat dalam era digital.

Dilancarkan pada 9 Mei 2017 sempena Memperingati Penubuhan

Jabatan Penerangan Ke-65, aplikasi ini memuatkan pelbagai ruangan bersama maklumat-maklumat mengenai Raja kita dan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Penerangan, berita-berita semasa iaitu E-Paper Pelita Brunei, Pelita Brunei *Online* bahan-bahan terbitan Melayu dan Inggeris serta waktu solat dan lain-lain.

Aplikasi berkenaan juga memuatkan ruangan forum sebagai platform kepada orang ramai mengongsikan sebarang pandangan dan cadangan, galeri media, Diari Brunei, Titah, Sabda dan ucapan para pembesar negara termasuk sosial media jabatan iaitu Facebook, Instagram dan Twitter di samping peluang-peluang pekerjaan di dalam perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.

Dengan aplikasi yang boleh dilayari melalui telefon bimbit ini ia memudahkan orang ramai untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai pelbagai dasar dan inisiatif kerajaan ke arah Wawasan Brunei 2035, mengetahui berita-berita hal ehwal semasa yang sahih dengan cepat selain sebagai usaha jabatan ini menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan yang menjurus ke arah *paperless* dan *Green IT*.

Aplikasi ini direka untuk meningkatkan imej dan prestasi jabatan ini kepada perkhidmatan yang lebih efisien, cemerlang di samping membantu jabatan mencapai moto, visi serta misinya ke arah memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat dengan tepat dan cepat melalui penggunaan media baharu.

Sehubungan itu, bagi memastikan perkhidmatan aplikasi ini terus relevan dan menepati sasarannya, Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media jabatan ini sedang giat menjalankan kaji selidik sebagai usaha untuk mengemas kini dan meningkatkan perkhidmatan aplikasi yang lebih berkualiti kepada orang ramai.



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS PEMBUKAAN KAUNTER-KAUNTER PERKHIDMATAN JABATAN PENERANGAN

Jabatan Penerangan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kaunter-kaunter perkhidmatan dan permohonan, bilik-bilik rujukan di Ibu Pejabat dan Cawangan Penerangan di setiap daerah serta Dewan Pengiran Setia Negara dan Dewan Auditorium kini **DIBUKA SEMULA** bermula Khamis, 16 Julai 2020. Bagi penggunaan fasiliti jabatan semasa luar waktu pejabat, para pelawat dikehendaki untuk melaporkan diri, membuat pemeriksaan suhu badan dan mengimbas Kod QR BruHealth di Kaunter Bangunan Asal Jabatan Penerangan.

Semua pelawat dikehendaki melaporkan diri di kaunter penyambut tetamu di pintu utama, Bangunan Asal Jabatan Penerangan dan Cawangan Penerangan di setiap daerah untuk pemeriksaan suhu badan dan mengimbas Kod QR BruHealth semasa waktu pejabat. Hanya Kod QR berwarna hijau dan kuning dibenarkan untuk memasuki premis jabatan ini.

Walaubagaimanapun, permohonan Sistem Pembesar Suara (PA System) dihadkan kepada agensi-agensi kerajaan sahaja sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai adalah disarankan untuk berhubung melalui :



Ibu Pejabat - 2383400 sambungan 314

Daerah Tutong - 4220290

Daerah Belait - 3224636

Daerah Temburong - 5221342

pr@information.gov.bn



Forum di aplikasi
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri



@infodept_bn



@infodept.bn

Selera kampung

Sumber: Bahagian Pelita Brunei dengan kerjasama Kampung Buda-Buda, Daerah Temburong

Foto: Hernie Suliana Haji Othman

Udang Galah Masak Rebus



Kampung Buda-Buda

BAHAN-BAHANNYA :

500 gm udang galah
3 sudu makan lada kisar
4 biji bawang merah (dihiris)
4 biji bawang putih (dihiris)
1 ½ inci halia (dihiris halus)
4 batang serai
4 keping asam kulit
4 biji buah tomato (dipotong empat)
7 helai daun ketumbar jawa (dihiris halus)
Garam
Bawang goreng

CARA-CARA MEMASAKNYA :

Didihkan air secukupnya berserta bawang merah, bawang putih, halia, serai, lada kisar dan asam kulit. Setelah air mendidih masukkan udang galah dan garam secukupnya. Kemudian apabila udang galah hampir masak, masukkan buah tomato dan daun ketumbar jawa. Rebus hingga udang galah tersebut masak. Setelah udang galah tersebut masak taburkan bawang goreng di atas hidangan tadi.




دولت کبawah دولی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Sempena Sambutan
Ulang Tahun

Kel-
74

Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam



**KIBARKANLAH
BENDERA
KEBANGSAAN
DAN
BENDERA PERIBADI**



InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

infodept.bn



infodept_bn

**Bermula
16 Zulkaedah hingga 1 Zulhijah 1441H
bersamaan
8 Julai hingga 22 Julai 2020M**



SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?



Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda



Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul.**




Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.



Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.



Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.



Untuk lebih berkesan, **kerap menukar penutup mulut dan hidung awda**, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.



Imbas di sini
untuk keterangan lanjut

Doa Qunut Nazilah

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا
فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا شَرًّ مَا قَضَيْتَ،
فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَّتَّ،
وَلَا يَعْزُزُ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ
عَلَى مَا قَضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوْبُ إِلَيْكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ
فِي كُلِّ مَكَانٍ، الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ
الْأَمْرَاضِ، وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Tatacara dan Panduan Membaca Doa Qunut Nazilah:

1. Disunatkan untuk dibaca secara nyaring pada setiap sembahyang fardhu sama ada secara berjemaah atau pun bersendirian.
2. Khusus bagi sembahyang berjemaah, imam membacanya secara nyaring dan makmum mengaminkannya.
3. Dibaca pada rakaat terakhir iaitu semasa l'tidal setelah membaca Tahmid (سَعَى اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ).
4. Tidak perlu melakukan sujud sahwai jika tertinggal bacaan Doa Qunut Nazilah.
5. Disunatkan mengangkat kedua tangan semasa berdoa.
6. Tidak perlu menyapu tangan ke muka selepas berdoa.

Nota: Doa Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di Masjid secara berjemaah pada Hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah samada secara berjemaah dengan keluarga atau bersendirian di dalam sembahyang fardhu lima waktu. Tetapi masih juga boleh dipilih mana waktu yang kita mampu atau sesuai melakukannya, seperti dalam Sembahyang Subuh, Maghrib dan Isya', tanpa memestikan ia dibuat dalam kesemua lima-lima waktu.



جوالن بوکو تریتین جابتن قزعن


JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

DAPATKAN SEKARANG!

HIMPUNAN TITAH



BRUNEI TODAY



| Edisi | Harga |
|------------------------|--------|
| Sept 2017 - Jubli Emas | \$3.50 |
| Jun 2018 | \$2.50 |
| September 2018 | \$2.50 |
| Disember 2018 | \$2.50 |
| Mac 2019 | \$2.50 |



Harga
\$3.50

KOMPILASI
SABDA ANAKANDA
2011-2016



Harga
\$4.00

BRUNEI-MUARA
DISTRICT



Harga
\$3.50

BELAIT
DISTRICT

TUTONG
DISTRICT

TEMBURONG
DISTRICT

**CAWANGAN
DAERAH TEMBURONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 5221342

**CAWANGAN
DAERAH TUTONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 4220290

**CAWANGAN
DAERAH BELAIT**
PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB433, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 3224636

HIMPUNAN SABDA



| Tahun | Harga |
|-------|--------|
| 2012 | \$3.50 |
| 2013 | \$4.00 |
| 2014 | \$2.00 |
| 2015 | \$4.00 |
| 2016 | \$2.00 |
| 2017 | \$3.00 |
| 2018 | \$7.00 |

HALUAN

| Tahun | Harga |
|-------|---------|
| 2012 | \$23.00 |
| 2015 | \$10.00 |
| 2016 | \$12.50 |
| 2017 | \$8.50 |

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU

| Tahun | Harga |
|-------------|---------|
| 2015 - 2017 | \$11.50 |
| 2018 | \$5.00 |
| 2019 | \$7.00 |

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242